



10 APR, 2024

## SESB tubuh pasukan forensik siasat kebakaran gudang



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2



MADIUS bersama kakitangan Pejabat Urusan SESB Keningau.

# SESB tubuh pasukan forensik siasat kebakaran gudang

### **Mohd Khairy Abdullah**

KENINGAU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) mengumumkan sebuah pasukan petugas telah ditubuhkan untuk menjalankan siasatan forensik terhadap punca kebakaran gudang penyimpanan kabel di Batu 7, Jalan Tuaran, Khamis lalu.

Pengerusi SESB Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam satu kenyataan di sini pada Selasa, berkata penemuan siasatan itu akan dibentangkan pada mesyuarat lembaga pengarah yang akan datang.

"Penemuan juga akan didedahkan kepada umum," katanya.

Kebakaran gudang kabel syarikat itu memusnahkan 1,046 daripada 1,426 gelung pelbagai saiz yang sepatutnya diagihkan ke seluruh negeri, kebanyakannya digunakan untuk membuat penyambungan bekalan elektrik ke rumah pengguna.

Madius menggesa semua pihak untuk mengelak daripada menuding jari, sebaliknya membenarkan pasukan forensik untuk menjalankan siasatan mereka

secara menyeluruh dan saksama.

"Saya perlu memaklumkan di sini bahawa pihak pengurusan telah diarah untuk bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB), untuk meneroka strategi bagi meminimumkan kelewatan projek akibat ketiadaan kabel."

"Sebagai langkah proaktif, Lembaga Pengarah telah mengarahkan pengurusan untuk mengenal pasti dan menjamin kemudahan penyimpanan sementara untuk melindungi inventori kabel yang diperoleh sehingga penyelesaian stor kekal dimuktamadkan."

"Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa sebelum kejadian malang ini, SESB telah pun dalam proses untuk mewujudkan kemudahan penyimpanan kekal di tapak tersebut," katanya, menambah kebakaran itu benar-benar dikesali.

Madius berada di kawasan pedalaman Sabah untuk melawat pejabat operasi syarikat itu di Keningau, daerah Tenom dan Stesen Hidro Pangi Tenom.